

Pembangunan Modal Insan Kementerian Pelajaran Malaysia Bermula Daripada Tahun 1: Satu Persepsi

Tn. Haji Mohd Radzi b. Abd Jabar
Bahagian Sekolah,
Kementerian Pelajaran Malaysia

Sinopsis

Modal insan yang unggul telah dikenalpasti sebagai elemen penting dalam mencapai Misi Nasional dan seterusnya negara maju yang beridentiti sendiri dan mampu bersaing di peringkat global. Empat ciri asas modal insan yang unggul iaitu kecemerlangan akademik, sihat tubuh badan dan kesihatan, kecemerlangan sahsiah, dan emosi yang stabil. KPM telah diberi tanggungjawab penting dan utama kerana dalam jangka panjang pendidikan merupakan wacana pembangunan modal insan yang berkesan serta ianya selari dengan kewujudan dan matlamat KPM itu sendiri. Secara umumnya, pembangunan modal insan KPM berteraskan dua pengisian utama iaitu kurikulum dan kokurikulum. Pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum ini disokong dengan infrastruktur dan tenaga manusia yang cukup dan berkualiti. Bagi melahirkan generasi yang unggul dalam pelbagai aspek adalah satu tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilakukan secara terancang, berterusan dengan pengembelangan tenaga dan komitmen jitu semua pihak. Dalam konteks pendidikan formal, proses pembangunan modal insan perlu bermula daripada mula kanak-kanak memasuki alam persekolahan. Dalam senario pendidikan di Malaysia, proses ini harus bermula daripada Tahun 1.

Pengenalan

Pembangunan modal insan merupakan satu cabaran utama dalam usaha membangunkan rakyat untuk mencapai negara maju yang beridentiti sendiri dan mampu berdaya saing di peringkat global. YAB Perdana Menteri sering bercakap tentang modal insan malah perkara ini turut ditegaskan dalam Misi Nasional dan Pelan Pembangunan RMK9. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai tanggungjawab besar dan penting untuk mencapai cita-cita tersebut. KPM adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab khusus dalam pembentukan modal insan (YAB Perdana Menteri 2006). Menerusi dasar pendidikan wajib, sebahagian besar kanak-kanak akan melalui pendidikan formal yang dikelolakan oleh KPM. Selaras dengan itu, KPM telah menyediakan pelan pembangunan modal insan menerusi pendidikan secara terancang dan berterusan bermula dari Tahun 1 hingga ke sekolah menengah.

Modal insan yang ingin dilahirkan oleh sistem pendidikan negara digambarkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kemudian diperjelas dalam misi Kementerian Pelajaran. Hasrat tersebut diperkukuh lagi dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP). PIPP telah mengambil kira aspirasi dan intipati Wawasan 2020, Islam Hadhari, Pelan Integriti Nasional, dasar-dasar pendidikan serta perkembangan dan cabaran pendidikan semasa dan akan datang. Dalam tempoh RMK9, KPM merancang untuk memantapkan landasan bagi memperkukuh sistem pendidikan negara bagi mencapai hasrat "Pendidikan Berkualiti Untuk Semua". Pembangunan pendidikan negara yang menyeluruh telah dibentuk berpandukan tiga aspek utama iaitu infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia (KPM 2006).

Pengertian dan Konsep Modal Insan Acuan Malaysia

Modal insan yang **berkualiti** telah dikenalpasti sebagai elemen penting dalam mencapai Misi Nasional. Bagaimanapun, maksud modal insan yang berkualiti itu masih boleh diperdebatkan kerana berkualiti itu sendiri suatu yang subjektif sifatnya. Pada umumnya, modal insan yang diperlukan oleh negara adalah modal insan yang dapat memenuhi cabaran negara sama ada di dalam atau dari luar kesan globalisasi, liberalisasi dan ledakan teknologi (ICT). Teras kedua Misi Nasional menjelaskan bahawa modal insan itu adalah mereka yang berkeupayaan pengetahuan dan inovasi serta mempunyai "minda kelas pertama". Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP 3) telah menetapkan empat ciri utama modal insan yang diperlukan oleh negara iaitu i) *k-worker*; ii) celik dan mahir ICT; iii) mampu bersaing di peringkat tempatan dan global; dan iv) jati diri dan daya saing yang tinggi.

Dalam perhimpunan Agong UMNO, 2005, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri telah mengemukakan konsep Warga Glokal. Menurut beliau, warga glokal adalah warga yang berakar nasional dan berakar internasional. Maksudnya di samping kita hebat di dalam negara, kita juga berperanan di arena antara bangsa. Akar kita berpaksi di kota dan desa, namun akal kita menerjah ke serata dunia. Menurut beliau warga glokal bertunjangkan budaya Malaysia dan ajaran agama yang suci. Dimensi baru menuntut kita melonjak ke hadapan dengan memperkukuhkan daya saing bangsa untuk menjadi yang terbaik di pentas dunia. Malaysia perlu menjadi contoh, menjadi jenama antarabangsa. Kejayaan tersebut menjadi asas untuk menjana warga glokal seterusnya.

Dalam perutusan Hari Guru pada 16 Jun 2006, YAB Perdana Menteri telah menggariskan modal insan yang perlu dilahirkan menerusi sistem pendidikan negara. Menurut beliau, modal insan yang diperlukan oleh negara mesti mempunyai tiga ciri berikut : i) berilmu pengetahuan, menguasai pelbagai ilmu yang boleh bersaing di peringkat antara bangsa; ii) sihat tubuh badan supaya dapat menjalankan tugas dengan cergas/bersungguh dan tekun/tanpa banyak cuti/MC; dan iii) sahsiah yang baik – menjalankan tugas/komited dan bertanggungjawab – tidak rasuah, amanah dll.

Peranan Pendidikan Dalam Pembangunan Modal Insan

Dalam usaha untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Malaysia, KPM mempunyai peranan yang utama dan penting. Perkara ini telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri.

Dalam Perutusan Hari pekerja, 1 Mei 2006, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan:

" Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen..... pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antara bangsa yang kian meningkat."

Bentuk modal insan yang ingin dilahirkan oleh sistem pendidikan negara digambarkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara"

Misi Kementerian Pelajaran Malaysia turut menjelaskan tentang peranan dan tanggungjawab KPM dalam pembangunan modal insan ini. Wacana KPM pada 14 Februari 1993 telah merumuskan Misi Kementerian Pelajaran sebagai mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara.

Dalam RMK9, pembangunan modal insan merupakan inti pati (core) pendidikan. Dalam hal ini, dasar KPM adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan serta penampilan yang sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara maju selaras dengan yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Matlamat KPM adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri di kalangan murid (KPM 2006).

Dalam membangunkan modal insan, KPM menentukan kualiti murid yang dihasilkan oleh setiap peringkat pengajian sejajar dengan hasrat sistem pendidikan kebangsaan. Output yang diberikan penekanan adalah seperti berikut:

1. berupaya belajar, bekerja dan berkomunikasi dengan berkesan;
2. berupaya mengaplikasi dan mengadaptasi pengetahuan dan kemahiran;
3. berupaya mengakses, mengaplikasi dan menggunakan teknologi dan sistem maklumat;
4. berfikir secara kritis dan bertindak secara rasional;


5. berusaha untuk belajar sepanjang hayat;
6. mengenal dan menghormati kelainan orang lain dan perbezaan individu;
dan
7. berkebolehan menjadi pemimpin kepada diri, keluarga dan masyarakat.

(KPM 2006)

Dalam lawatan YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pertama ke KPM sebagai Perdana Menteri pada tahun 2005, beliau telah menegaskan bahawa sekolah adalah tempat mencemerlangkan murid. Output sekolah cemerlang dalam tiga bidang iaitu akademik, kokurikulum, dan sahsiah. Hasrat ini adalah selari dengan agenda Memperkasa Sekolah Kebangsaan.

Berdasarkan FPK dan cadangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk saranan YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri, modal insan yang sepatutnya dihasilkan oleh KPM boleh digambarkan seperti Rajah 1.

Rajah 1: Model Modal Insan



Bagi melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri tersebut, KPM telah menyediakan pelan pembangunan pendidikan negara yang menyeluruh berpandukan tiga aspek utama iaitu infrastruktur, pengisian, dan tenaga manusia (KPM 2006). Program dan pengisian pembangunan modal insan, KPM mengandungi dua komponen utama atau teras iaitu kurikulum dan kokurikulum. Aspek infrastruktur dan tenaga manusia merupakan komponen sokongan yang penting bagi memastikan matlamat program dan pengisian pendidikan yang dirancang tercapai. Aspek infrastruktur meliputi kemudahan fizikal dan peralatan seperti bilik darjah, makmal sains, kelengkapan komputer untuk pengurusan dan P&P, dan lain-lain.

Aspek tenaga manusia pula merangkumi pengurus/pentadbir sekolah/PPD/JPN, guru, dan staf sokongan.

Program dan Pengisian Pendidikan

Secara umumnya, pembangunan modal insan KPM mengandungi dua program/pengisian utama atau teras iaitu kurikulum dan kokurikulum yang saling lengkap melengkapi. Kedua-dua program/pengisian tersebut saling lengkap melengkapi untuk melahirkan manusia unggul dan seimbang dalam jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI). Tahap "kedalaman" aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan dilaksanakan secara berperingkat manakala aspek nilai dipupuk secara berterusan.

Program dan Pengisian Akademik

Intipati (core) program dan pengisian akademik di peringkat sekolah rendah dan menengah ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada tahun 2003, KPM telah melaksanakan inovasi dalam kurikulum iaitu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Dalam proses pemantapan kurikulum sekolah, pada tahun 2005, KPM telah memperkenalkan j-QAF di sekolah rendah bagi melahirkan murid yang berpengetahuan agama dan bermoral tinggi. Pada tahun yang sama, KPM juga telah memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaran bagi mewujudkan kesedaran mengenai peranan, hak dan tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat patriotik. Selaras dengan perkembangan teknologi serta untuk meningkatkan keberkesanan P&P, KPM telah memperkenalkan konsep pembasterian sekolah. Menerusi konsep ini, P&P berlangsung dengan bantuan ICT. Di samping itu, pelbagai program sokongan dan dasar pendidikan telah diperkenal/gubal oleh KPM bagi memandu pengoperasian pendidikan supaya berkualiti serta berada dalam landasan dan hala tuju yang betul.

Di peringkat sekolah rendah, penilaian kepada kecemerlangan akademik diukur berdasarkan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Murid yang cemerlang dalam akademik pada tahap UPSR adalah mereka yang menguasai satu tahap pengetahuan dan kemahiran yang ditetapkan. Dalam bahasa yang mudah, murid yang cemerlang dalam akademik adalah murid yang mendapat gred A dalam mata pelajaran yang dinilai. Di peringkat sekolah menengah, ada dua penilaian/peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masing-masing dijalankan semasa murid berada di penghujung Tingkatan 3 dan Tingkatan 5.

Program/pengisian pertama yang dilalui oleh kanak-kanak sebagai murid sekolah ialah program transisi selama 3 bulan (sekarang telah dipinda kepada 3 minggu). Program ini bertujuan untuk menyesuaikan kanak-kanak tersebut dengan alam persekolahan. Selepas program transisi, murid akan mengikuti program KIA2M. Program KIA2M merupakan pengukuhan pelaksanaan KBSR serta selaras dengan matlamat pelaksanaan kurikulum Tahap 1 sekolah rendah. Pada tahap ini, penekanan program dan pengisian pendidikan adalah terhadap penguasaan tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis, dan mengira

(3M). Murid yang lemah dipulihkan di dalam kelas KBSR atau di kelas pemulihan khas. Murid yang meneruskan persekolahan ke Tahap 2 sepatutnya telah menguasai ketiga-tiga kemahiran tersebut. Di samping itu, kecemerlangan akademik murid Tahun 4, 5, dan 6 yang miskin dan lemah diperkukuh menerusi program bimbingan dan tuisyen di bawah Skim Baucer Tuisyen (SBT) dan Skim Tuisyen Felda (STF).

Program dan Pengisian Kokurikulum

Program dan pengisian kokurikulum merupakan pelengkap kepada program dan pengisian kurikulum. Keperluan tersebut adalah berasaskan lima (5) perkara, iaitu:

- i) melahirkan modal insan yang seimbang;
- ii) mengenalpasti bakat dan mengembangkannya;
- iii) kesedaran tentang anak-anak boleh dididik dan mendidik;
- iv) menyediakan keperluan untuk masyarakat dan negara; dan
- v) memberi kemahiran sosial.

Selaras dengan keperluan itu, KPM telah merangka/mengubal program dan pengisian kokurikulum di sekolah rendah dan menengah berasaskan objektif berikut:

- i) melahirkan insan yang seimbang;
- ii) memupuk semangat integriti;
- iii) mengenalpasti bakat dan mengembangkannya;
- iv) memperkembangkan dan mengukuh P&P;
- v) memantapkan nilai-nilai murni;
- vi) mengguna masa lapang dalam aktiviti yang berfaedah;
- vii) menjadikan sekolah tempat yang menarik; dan
- viii) membuka ruang kepada masyarakat luar untuk terlibat dalam agenda anak-anak.

Program dan pengisian komponen kokurikulum bermula dari Tahun 3 di sekolah rendah. Pada Tahun 3, murid didedahkan dengan pengenalan kokurikulum. Objektif pendedahan tersebut adalah untuk menyedarkan murid tentang keperluan dan kebaikan untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Murid mula terlibat dengan aktiviti kokurikulum pada Tahun 4 dan seterusnya sehingga Tahun 6. Aktiviti kokurikulum yang ditawarkan oleh sekolah terbahagi kepada tiga iaitu pakaian seragam, kelab persatuan, dan sukan permainan. Pada tahap ini, objektif program/aktiviti kokurikulum adalah untuk menyemai dan memupuk nilai murni, membentuk disiplin individu dan dalam kumpulan. Bagaimanapun, pemupukan dan pembentukan disiplin tersebut menerusi program/aktiviti dimana murid sebagai pengikut atau ahli sahaja. Program/aktiviti kokurikulum dipertegas lagi di peringkat sekolah menengah. Di samping itu, sekolah menengah juga menawarkan aktiviti kokurikulum yang berasaskan kerjaya seperti Pasukan Kadet Polis, dan lain-lain.

Infrastruktur

KPM merancang menyediakan infrastruktur yang lengkap, cukup dan berkualiti sejajar dengan pertumbuhan enrolmen serta tuntutan "pendidikan bertaraf dunia". Dalam fasa 15 tahun pertama (1991-2005), enrolmen sekolah rendah telah bertambah 28.2% iaitu daripada 2.45 juta kepada 3.14 juta manakala enrolmen sekolah menengah pula bertambah 62.4% iaitu daripada 1.37 juta kepada 2.22 juta. Dalam tempoh yang sama, KPM telah dapat menambah bilangan sekolah rendah sebanyak 773 (11.3%) iaitu daripada 6,828 pada tahun 1991 kepada 7,601 pada tahun 2005. Sekolah menengah pula bertambah sebanyak 701 (52.8%) iaitu daripada 1,327 kepada 2,028. Dengan pertambahan sekolah tersebut, serta bangunan baru di sekolah sedia ada, KPM telah dapat mengurangkan purata nisbah enrolmen-sekolah (kecuali sekolah rendah), purata saiz kelas, nisbah kelas-bilik darjah, peratus sekolah dua sesi. Jadual 1 menunjukkan indikator pendidikan (infrastruktur) sekolah, KPM pada tahun 2000 dan 2005.

Jadual 1: Indikator Pendidikan (Infrastruktur) Sekolah, KPM
Pada Tahun 2000 dan 2005

Peringkat	Perkara/Item	2000	2005
Rendah	Nisbah Enrolmen-Sekolah	406:1	413:1
	Purata Saiz kelas	33.2	31.1
	% Sekolah Satu Sesi	83	89
	Nisbah Kelas-Bilik Darjah	1:0.90	1:0.92
Menengah	Nisbah Enrolmen-Sekolah	1215:1	1094:1
	Purata Saiz Kelas	33.6	32.3
	% Sekolah Satu Sesi	43	63
	Nisbah Kelas-Bilik darjah	1:0.83	1:0.85

Sumber: BPPDP, 2006

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, KPM telah memperkenalkan ICT dalam pendidikan meliputi aspek prasarana, pengisian dan latihan guru. KPM telah melaksanakan pelbagai projek ICT dalam pendidikan dengan pembekalan komputer sebagai aktiviti utama dalam penyediaan infrastruktur ICT:

1) **Pembestarian Sekolah** – satu inovasi dalam pendidikan dengan memberi penekanan dalam penggunaan ICT sebagai pengupayaan pedagogi dan pengurusan sekolah. Pada tahun 1999 hingga 2002, sebanyak 88 buah sekolah telah dipilih melaksana projek rintis Sekolah Bestari. Sekolah tersebut telah dibekalkan dengan 5,809 buah komputer dan 261 server. Komputer yang dibekalkan itu untuk kegunaan P&P khususnya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Sistem Pengurusan Sekolah Bestari

digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta menyokong P&P.

2) **SchoolNet** – projek penyediaan prasarana jalur lebar untuk capaian ke internet untuk semua sekolah bagi tujuan mengatasi jurang digital. Sehingga tahun 2005, 9,285 sekolah telah dirangkaikan.

3) **Projek MySchoolNet** – projek bagi membudayakan penggunaan internet dalam P&P melalui pembangunan laman web yang menyediakan bahan sumber pendidikan untuk murid, guru dan pentadbir sekolah modul P&P, perisian, sukatan Pelajaran, berita, forum dan program kolaboratif.

4) **Makmal Pengkomputeran** – projek menyediakan makmal komputer dan membekalkan komputer serta server. Sehingga tahun 2005, sebanyak 5,037 sekolah telah disediakan makmal komputer dan dibekalkan sejumlah 133,000 komputer dan 47,000 server.

5) **Pelaksanaan PPSMI** – bagi mencapai matlamat dasar tersebut, sekolah dibekalkan dengan laptop, LCD Projektor, skrin, troli, TV dan pencetak.

6) **TV Pendidikan (TVP)** – KPM meneruskan TVP bagi membantu P&P di sekolah. Sebelum tahun 2000, penyiaran TVP dibuat melalui RTM menggunakan pancaran terrestrial. Mulai tahun 2000, TVP dipancarkan melalui saluran ASTRO yang menggunakan satelit. Rancangan TVP dibangunkan berasaskan kurikulum dan sehingga 2005, sebanyak 77 program kurikulum disediakan. Sebanyak 9,500 sekolah dibekalkan TV berjumlah lebih 11,700 set.

7) Bagi menyokong sistem pengurusan, KPM telah melaksana projek Perkomputeran Pengurusan – sistem aplikasi dan infrastruktur ICT. Dalam RMK9, projek meliputi Rangkaian KPMNet, Aplikasi Sistem Pentadbiran, Aplikasi Pengurusan Pendidikan, Pembangunan Sistem Penyediaan Infrastruktur, EMIS dan Sistem Pemantuan Perancangan Sekolah. Pelaksanaan Aplikasi Pendaftaran Peperiksaan atas talian dimulakan pada tahun 2003 bagi mempercepatkan proses pendaftaran peperiksaan.

Tenaga Manusia

Bagi memastikan keperluan sumber manusia berkualiti dan mencukupi, KPM telah menyediakan pelan pembangunan sumber manusia khususnya keperluan guru dan pentadbir sekolah. Program-program pendidikan/latihan guru praperkhidmatan dan kursus dalam perkhidmatan (KDP) telah dipelbagai dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Berdasarkan pelan perancangan tersebut, guru terlatih di sekolah rendah dan menengah dijangka mencukupi menjelang pada tahun 2006. Bagi meningkatkan profesionalisme keguruan, dasar KPM, semua guru diberi peluang mengikuti KDP sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Bagi menjamin guru benar-benar berkualiti, taraf/status pendidikan/latihan guru sekolah rendah telah dinaikkan daripada Sijil Penguruan kepada Diploma. Kemudian, pada tahun 2004, kerajaan telah meluluskan penempatan guru siswazah di sekolah rendah secara

berperingkat-peringkat. KPM mensasarkan sebanyak 50% guru siswazah ditempatkan di sekolah rendah, 100% di sekolah menengah menjelang pada tahun 2010. Pada tahun 2006, terdapat sebanyak 20,257 guru siswazah terlatih di sekolah rendah iaitu kira-kira 11.1% daripada jumlah keseluruhan guru terlatih di sekolah rendah. Selaras dengan dasar tersebut, maktab pengurusan telah dinaiktaraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). IPG tidak lagi menawarkan program praperkhidmatan peringkat Diploma, tetapi sebaliknya menawarkan program-program peringkat ijazah di samping meneruskan program-program KDP. Pada peringkat awal, IPG telah menawarkan program persediaan (foundation) dan ijazah pertama keguruan, khusus untuk sekolah rendah dengan kerjasama atau berkembar dengan Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sekolah rendah, pada tahun 2003, kerajaan telah meluluskan tiga jawatan Guru Penolong Kanan setiap sekolah rendah yang layak sebagai jawatan kenaikan pangkat di luar norma. Pada tahun 1982, selaras dengan pelaksanaan KBSR, dan KBSM, norma sekolah rendah (biasa) dan sekolah menengah harian telah dinaikkan daripada 1.43n kepada 1.5n (n ialah bilangan kelas yang diluluskan). Bagi mengurangkan beban tugas guru, pada tahun 2006, kerajaan telah meluluskan perubahan norma perjawatan guru sekolah rendah (biasa) dan menengah (harian dan SBP) sebanyak tambahan 0.2 iaitu daripada 1.5n kepada 1.7n. Perubahan ini menyebabkan pertambahan guru sekolah rendah kira-kira 19,000 dan lebih 13,000 di sekolah menengah. Pertambahan ini adalah *over and above* daripada pertambahan perjawatan akibat daripada pertambahan sekolah baru dan kelas/enrolmen.

Dalam tempoh 15 tahun (1991-2005), statistik yang diperolehi menunjukkan jumlah guru sekolah rendah telah meningkat kira-kira 58.6% iaitu daripada 120,025 pada tahun 1991 kepada 190,336 pada tahun 2005. Dalam tempoh yang sama bilangan guru sekolah menengah turut meningkat sebanyak kira-kira 88.5% iaitu daripada 72,455 kepada 136,598. Sejajar dengan penambahan tersebut, nisbah guru-murid sekolah rendah telah dapat dikurangkan daripada 1:20.39 pada tahun 1991 kepada 1:16.48 pada tahun 2005. Dalam tempoh yang sama, nisbah guru-murid sekolah menengah berkurang daripada 1:18.85 kepada 1:16.24.

Dalam RMK9, pembangunan modal insan merupakan salah satu teras strategi pembangunan pendidikan. Menerusi strategi itu, KPM akan mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid, meningkatkan keupayaan dan minat bagi menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, serta membentuk keterampilan dan keperibadian murid. Pada 5 Oktober 2006, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan 7 lonjakan perdana yang bertujuan untuk merapatkan jurang pendidikan luar bandar dengan bandar supaya semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan untuk cemerlang. Pelbagai bentuk insentif dan sokongan akan diberikan kepada guru dan murid di luar bandar terutama di kawasan pedalaman. Dengan cara ini, KPM berharap dapat menarik minat guru berpengalaman bertugas di luar bandar/pedalaman, di samping membantu murid miskin untuk terus bersekolah.

Isu dan Cabaran

Berikut adalah beberapa isu dan cabaran berhubung dengan pembangunan modal insan, Kementerian Pelajaran Malaysia:

1. **Keciciran** - Kadar kecaciran di sekolah kerajaan yang ditadbir oleh KPM masih ditahap yang tinggi terutama di kawasan luar bandar/pedalaman. Statistik yang diperolehi menunjukkan kadar kecaciran murid sekolah luar bandar pada kadar kira-kira 1.2% setahun manakala kecaciran murid sekolah menengah luar bandar pula pada kadar sekitar 16.7% setahun. Kadar kecaciran yang tinggi adalah disebabkan oleh faktor logistik (perhubungan/pengangkutan), kesihatan, kemiskinan, budaya, keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Terdapat kajian menunjukkan kecaciran disebabkan oleh faktor sekolah. Suasana sekolah tidak kondusif untuk pembelajaran, P&P tidak menarik, proses pemulihan tidak berkesan. Cabaran KPM adalah mencapai kecaciran sifar. Dengan demikian tiada kanak-kanak yang terpinggir daripada mengikuti program pembangunan modal insan KPM yang dirancang.
2. **Masalah Penguasaan 3 M (Membaca, Menulis, dan Mengira)** – Statistik yang diperolehi menunjukkan pada awal tahun 2006 kira-kira 160,000 murid tidak menguasai 3M. Maklumat terkini menunjukkan jumlah tersebut telah dapat dikurangkan lebih daripada separuh. Kajian BPPDP pada tahun 2002 menunjukkan 4 faktor utama yang mempengaruhi masalah penguasaan 3M iaitu faktor diri murid, faktor sekolah, latar belakang keluarga, dan faktor kesediaan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Sekolah pada tahun 2006 menunjukkan faktor sekolah adalah faktor paling dominan. Antara faktor sekolah yang mempengaruhi penguasaan 3M ialah kaedah pengajaran guru, pengurusan sekolah, dan persekitaran sekolah. Murid yang tidak menguasai 3M mengalami defisit pembelajaran yang berpanjangan dan makin lama makin serius. Di dalam kelas, mereka menjadi bosan kerana tidak tahu apa-apa. Sebilangan daripada mereka kerap ponteng, dan ramai daripada mereka terus tidak datang ke sekolah langsung. Cabaran KPM adalah memastikan semua murid Tahap 1 sekolah rendah menguasai 3M kerana kemahiran tersebut adalah asas untuk cemerlang dalam akademik.
3. **Peluang Mengikuti Pendidikan Prasekolah** – Statistik yang diperolehi menunjukkan pada tahun 2006 kira-kira 30% murid Tahun 1 sekolah kerajaan tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah. Oleh itu, pembangunan modal insan secara formal dan terancang atau yang boleh diawasi oleh kerajaan sebaik-baiknya bermula daripada Tahun 1. Program pembangunan modal insan yang lebih komprehensif boleh bermula daripada kelas prasekolah jika sebahagian besar kanak-kanak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah. *Sebenarnya pembangunan modal insan bermula daripada dalam kandungan ibu !* Cabaran KPM adalah memastikan semua kanak-kanak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah sebelum melangkah ke Tahun 1 sekolah rendah.
4. **Pengurusan Sekolah** – Kajian dan pemerhatian Bahagian Sekolah menunjukkan sekolah yang tidak cemerlang adalah sekolah yang tidak mempunyai perancangan jangka panjang. Penekanan dan program pendidikan diadakan pada saat akhir. Sebagai contoh program-program akademik hanya bermula pada Tahun 6 sahaja sedangkan pada tahap itu masih ramai murid tidak menguasai 3M. Sebaliknya, sekolah yang cemerlang (Perkasa) mempunyai perancangan jangka panjang iaitu bermula daripada Tahun 1: pelaksanaan kurikulum berkesan, pengurusan kurikulum mantap serta melaksana *headcount*. Cabaran KPM adalah memastikan

pengurusan pendidikan di semua peringkat adalah cekap dan berkesan, dan proses pembangunan modal insan bermula dari Tahun 1.

Rumusan/Cadangan

Modal insan yang berkualiti merupakan pemangkin dan penentu kepada kejayaan Misi Nasional dan terusnya kejayaan Wawasan 2020. Bagi mendokong cita-cita negara tersebut, KPM diamanahkan untuk membangunkan modal insan yang memiliki penampilan unggul serta menyediakan kepimpinan yang utuh (*towering personality*). Bagi melahirkan generasi yang unggul dalam pelbagai aspek merupakan satu tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilakukan secara terancang, berterusan dengan penggembelangan tenaga dan komitmen jitu semua pihak. Justeru, proses pembangunan modal insan KPM perlu bermula daripada mula kanak-kanak memasuki alam persekolahan iaitu bermula daripada Tahun 1.

RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1991. Perangkaan Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia:BPPDP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. Perangkaan Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia:BPPDP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. Pembangunan Pendidikan 2001-2010. AG Grafik Sdn. Bhd: Kuala Lumpur
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah Rendah. Kajian. Kementerian Pendidikan Malaysia: BPPDP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2005. Perangkaan Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia:BPPDP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. Penguasaan Tiga Kemahiran Asas: Membaca, Menulis, dan Mengira. Kajian. Kementerian Pelajaran Malaysia: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. Pelaksanaan Program Pemulihan Khas. Kajian. Kementerian Pendidikan Malaysia:Jabatan Pendidikan Khas.
- Kerajaan Malaysia. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010. Percetakan Nasional Malaysia Berhad: Kuala Lumpur.
- Mohd. Idris. Jauzi. 1991. Reformasi Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Siti Hawa Ahmad. 1988. Implementation A New Curriculum for Pimary Schools. A Case Study from Malaysia. Tesis Phd. University of London.

Wan Mohd Zaaid. 1993. Wawasan Pendidikan. Agenda. Nurin Enterprise: Kuala Lumpur.

Wan Mohd. Zaid. 1994. Visi Pendidikan Di Malaysia: Persediaan Ke arah 2020. Kertas Kerja Persidangan Pendidikan Antara Bangsa. Hotel Crown Princess: Kuala Lumpur.

